

## BAB TIGA

### KAEDAH PENYELIDIKAN

#### PENGENALAN

Bab ini akan menerangkan perkara-perkara penting berhubung dengan kaedah penyelidikan yang digunakan dalam kajian ini. Selain dari itu latar belakang sekolah, peserta kajian dan kaedah juga dibincangkan.

#### 3.1 PEMILIHAN KAEDAH KAJIAN KES

Pengkaji memilih kaedah kajian kes adalah kerana ianya membolehkan pengkaji dapat merapatkan diri dengan peserta kajian untuk mendapatkan situasi sebenar yang menyebabkan peserta melibatkan diri dalam masalah disiplin. Selain dari itu pengkaji juga akan mendapat pemahaman yang baik tentang pengaruh rakan sebaya, sekolah dan keluarga terhadap peserta kajian dalam menimbulkan masalah disiplin. Ini akan membantu pengkaji untuk membuat interpretasi data dengan baik.

#### 3.2 PEMILIHAN TEMPAT KAJIAN

Kajian ini dijalankan di Sekolah Menengah Kebangsaan Tampin, yang terletak di bandar Tampin, Negeri Sembilan. Sekolah ini berhampiran dengan

kawasan bandar. Di sekitar sekolah tersebut terdapat kawasan perumahan, kedai, serta kompleks perniagaan. Terdapat juga kemudahan pengangkutan awam kerana kedudukan sekolah yang hampir dengan jalan raya.

Sekolah ini telah dikategorikan dalam gred A dan mempunyai hanya satu sesi persekolahan iaitu pada waktu pagi. Jumlah gurunya seramai 68 orang dan pelajaranya seramai 1049 orang. Sebanyak 68 % adalah terdiri daripada pelajar Melayu, 18 % adalah pelajar Cina dan 14 % adalah pelajar India. Majoriti daripada pelajar tersebut tinggal di sekitar kawasan sekolah.

Sekolah ini dipilih sebagai lokasi kajian sebab pengkaji telah berkhidmat di sekolah ini sejak tahun 1991 dan merupakan anak tempatan. Pengkaji juga merupakan guru yang menjaga kebajikan dan disiplin pelajar India. Sekolah ini juga mempunyai ramai pelajar India dan sekarang menghadapi masalah dengan disiplin pelajar India.

Ibu bapa yang tinggal di kawasan ini adalah terdiri daripada mereka yang bekerja sebagai pemandu lori, pekerja kilang, pekerja swasta dan pekerja kerajaan. Ini menunjukkan ibu bapa di sini adalah daripada latarbelakang sosial yang berbeza. Dari segi pendidikan ibu bapa juga boleh di katakan adalah tidak sama, kerana ada ibu bapa pendidikan mereka hingga peringkat sekolah rendah dan ada juga hingga peringkat universiti.

### **3.3 PEMILIHAN DAN PENENTUAN PESERTA KAJIAN**

Peserta kajian terdiri daripada 3 orang pelajar lelaki India yang berumur 17 tahun. Ketiga-tiga pelajar yang dipilih adalah dari tingkatan 4. Kesemua mereka pernah memasuki kelas peralihan sebelum naik ke tingkatan 1. Mereka ini dipilih kerana sering didapati melanggar disiplin dan tidak berminat belajar. Kesemua mereka menunjukkan pencapaian akademik yang rendah secara berterusan.

Ketiga-tiga peserta dipilih berdasarkan pada rundingan yang telah dibuat dengan guru Penolong Kanan Hal Ehwal Pelajar. Tinjauan juga telah dibuat dalam buku rekod disiplin sekolah. Kriteria yang digunakan dalam pemilihan peserta adalah seperti berikut :

- a) Peserta dipilih dari senarai dalam buku Disiplin sekolah.
- b) Peserta adalah pelajar lelaki bangsa India
- c) Peserta telah melakukan sekurang-kurangnya tiga kesalahan yang dikategorikan sebagai jenayah kecil oleh pihak sekolah. Antaranya ialah mencuri, bertumbuk, guna kata lucah, merosak harta benda awam dan melawan guru.
- d) Peserta juga terlibat dalam salah laku yang dianggap serius oleh pihak sekolah kerana dilakukan secara kerap. Antaranya ialah ponteng kelas, ponteng sekolah, tidak membuat kerja sekolah, membuat bising serta tidak memberi tumpuan kepada pengajaran guru.

### **3.4 TEMPOH KAJIAN**

Kajian ini telah dijalankan selama 4 bulan iaitu dari bulan Januari hingga April tahun 2000. Tempoh ini adalah mencukupi memandangkan pengkaji merupakan seorang guru di tempat kajian dan telah kenal dengan peserta-peserta kajian. Pengkaji juga mendapat kerjasama penuh daripada pihak sekolah terutamanya pengetua , guru-guru , ibu bapa peserta dan peserta-peserta kajian. Ini membolehkan pengkaji dapat menjalankan kajian dalam tempoh tersebut.

### **3.5 METODOLOGI PEMILIHAN KAEDEAH**

Kaedah kes digunakan untuk menentukan peranan pengaruh rakan sebaya, sekolah dan keluarga dalam membawa kepada perbuatan salah laku ketiga-tiga peserta.

Pengumpulan data dibuat dengan cara meneliti bahan dokumen dan temubual. Bahan dokumen yang diteliti ialah Buku Kedatangan Pelajar yang mengandungi maklumat tentang diri pelajar dan keluarga, Buku Catatan Disiplin Pelajar, Buku Laporan Kemajuan Murid yang mengandungi maklumat tentang pencapaian akademik dan keputusan peperiksaan PMR. Selain dari itu buku latihan pelajar iaitu buku Bahasa Melayu, Bahasa Inggeris, Matematik dan Pengetahuan Moral juga diteliti.

Temubual dilaksanakan secara separa-berstruktur. Soalan temubual dibina oleh pengkaji dengan berpandukan senarai semak mooney yang telah diubahsuai oleh Marinal bt. Hussin dalam tahun 1995 (Lampiran A) yang merangkumi empat bahagian. Bahagian pertama dan kedua mengandungi soalan yang berkaitan dengan diri peserta, bahagian ketiga ialah soalan untuk ibu bapa peserta dan bahagian keempat pula adalah untuk guru-guru peserta. Senarai soalan ini digunakan oleh pengkaji sebagai rujukan untuk mengenalpasti aspek-aspek yang perlu dikaji. Soalan temubual dibina mengikut aspek yang telah dikenal pasti iaitu aspek keluarga, kewangan, sosial, peribadi serta pengajaran dan pembelajaran.

### **3.6 JADUAL KERJA LAPANGAN**

Pengumpulan data dibuat mengikut langkah-langkah seperti berikut:

#### **(a) Peringkat Pertama**

Pengkaji menyemak Kad Rekod Persekolahan Pelajar Sekolah untuk mendapatkan latar belakang peribadi peserta. Antara maklumatnya adalah:

- a) butir diri pelajar iaitu, nama, umur, cita-cita dalam kerjaya dan alamat rumah.

- b) butir-butir keluarga iaitu, nama ibu bapa, pekerjaan ibu bapa dan bilangan anak.
- c) Pengkaji juga menyemak Buku Laporan Kemajuan murid dan keputusan peperiksaan PMR untuk mendapatkan maklumat tentang pencapaian akademik pelajar.

Kemudian pengkaji meneliti pula buku latihan peserta untuk mendapat maklumat terkini berhubung dengan pelajaran harian mereka meliputi pelaksanaan tugas dan perkembangan tahap penguasaan pelajaran. Antara buku-buku latihan yang diteliti adalah buku Bahasa Melayu, Bahasa Inggeris, Matematik serta buku Pengetahuan Moral.

**(b) Peringkat Kedua**

**Temubual Dengan Peserta**

Peserta-peserta ditemubual untuk mendapatkan maklumat yang penting bagaimana pengaruh rakan sebaya, sekolah dan keluarga memainkan peranan dalam membawa masalah disiplin.

Sebelum temubual dimulakan pengkaji telah merapatkan diri dengan peserta di mana setiap kali berjumpha di kawasan sekolah menegur peserta dan berbual-bual

tentang diri peserta. Selepas wujudnya hubungan yang baik di antara pengkaji dengan peserta-peserta, pengkaji telah meminta kerja sama peserta untuk menjawab soalan dalam temubual berkenaan tentang diri peserta, rakan sebaya, keluarga dan sekolah.

Pengkaji menemubual peserta di bilik kaunseling kerana tempatnya yang agak sesuai tanpa gangguan orang lain dan peserta juga menyatakan keinginannya untuk ditemubual di tempat tersebut. Sesi temubual telah dilakukan selama 3 kali. Setiap sesi mengambil masa selama satu jam.

Dalam sesi pertama pengkaji telah membincangkan tentang diri peserta iaitu berkenaan dengan cita-cita dan kegemarannya supaya peserta tidak berasa segan atau malu untuk meluahkan perasaannya. Selepas pengkaji memastikan peserta agak senang untuk berbual-bual dengan pengkaji maka pengkaji mula menyoal peserta tentang rakan sebaya peserta. Peserta ditanya tentang hubungannya dengan rakan sebaya, masa yang dihabiskan dengan mereka serta aktiviti yang dijalankan secara bersama. Peserta juga ditanya tentang perasaannya apabila bersama dengan rakan sebaya.

Dalam sesi kedua peserta ditanya tentang keluarga. Hubungannya dengan ibu bapa serta adik-beradik. Suasana keluarga serta kasih sayang yang ditunjukkan oleh ibu bapanya. Peserta juga di tanya tentang perasaannya terhadap ibu bapa. Kawalan,

disiplin yang dilakukan oleh mereka. Tempat yang disediakan oleh ibubapa untuk pendidikan peserta. Dorongan serta tunjuk ajar yang diberikan oleh ahli keluarga terutamanya ibu bapa dengan peserta. Kemudahan-kemudahan yang disediakan oleh ibu bapa kepada peserta.

Dalam sesi ketiga peserta ditanya tentang sekolah, pandangannya terhadap sekolah serta guru yang mengajar di situ, hubungannya dengan guru-guru yang mengajar peserta dan masalah yang sering dihadapi dalam pembelajaran.

### **(c) Peringkat Ketiga**

#### **Temubual Dengan Ibu Bapa**

Pengkaji menemubual ibu bapa peserta untuk mendapatkan maklumat tentang keluarga. Temubual dibuat sebanyak 2 kali. Pengkaji tidak menghadapi masalah menemubual ibubapa peserta kerana setelah memberi penjelasan tentang tujuan kajian ini mereka memberi kerjasama yang baik. Temubual ini diadakan di rumah ibu bapa peserta. Ibu bapa telah ditanya tentang masa yang diluangkan bersama anak dan hubungan mereka dengan anak serta kemudahan-kemudahan yang disediakan oleh ibu bapa kepada peserta. Pemerhatian juga dibuat dari segi keadaan serta suasana kediaman peserta.

**(d) Peringkat Keempat****Temubual Dengan Guru**

Pengkaji menemubual guru-guru yang mengajar peserta untuk mendapatkan maklumat tentang sikap peserta terhadap sesuatu matapelajaran. Masalah yang dihadapi oleh peserta dalam pembelajaran. Sikap atau tingkah laku pelajar semasa proses pengajaran dan pembelajaran berlaku dan hubungan peserta dengan guru.

Guru-guru matapelajaran yang ditemubual ialah guru Bahasa Melayu, Bahasa Inggeris, Matematik, dan Pengetahuan Moral. Guru-guru ini dipilih berdasarkan masa yang banyak diluangkan dengan peserta. Guru Pengetahuan Moral pula dapat memberikan gambaran yang sebenar tentang tingkah laku peserta.

Temua bual dilakukan dengan guru-guru tersebut secara tidak formal iaitu semasa pengkaji bersama mereka di kantin. Masa lapang guru juga digunakan untuk mendapatkan maklumat tentang peserta. Setiap guru telah ditemubual sekurang-kurangnya dua kali. Masa ini adalah mencukupi memandangkan pengkaji tidak menghadapi masalah dalam menemubual mereka.

Semua maklumat yang telah diperolehi direkodkan dan diproses untuk menulis skrip untuk tujuan analisis data.